

PEMBENTUKAN MODAL INSAN: HUBUNGAN KONSEP KENDIRI, PERSONALITI, DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

*Halimah Maalip¹, Azizi Yahaya¹, Koay Ting Yin¹, Balan Rathakrishnan¹, Ismail Maakip¹, Hanun Ahmad¹, Zaliha Mohammad Ali¹, Norlaily Ahmad²

¹Fakulti of Psikologi and Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

²Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding email: ateh_halimah@yahoo.com

Received date: 1 August 2020; Accepted date: 8 September 2020

Abstract: The purpose of this research is to determine the relationship between the self-concept and personality of students with academic achievement. The sample consist of 270 students from six secondary schools were chosen by using stratified randomly method in Kluang, Johor. The pilot study was done in order to determine the reliability and suitability of the questionnaires. Meanwhile Cronbach Alpha was used to determine the internal consistency of the questionnaires. The reliability value of Cronbach Alpha for the whole set of questionnaires used was 0.8432. The questionnaire for self-concept was modified from Tennessee Self-concept Scale by Fitts & Wareen (1996). Meanwhile the questionnaire for personality was modified from Personality Questionnaire by Eysenck & Eysenck (1975). The descriptive statistics such as frequency, percentages, and mean were used to analyze the dominant dimension in student's self-concept. Other than that, inferential statistic such as t-test was used to analyze the difference between the self-concept and personality of students according to gender. Meanwhile, Pearson correlations were used at significant level 0.05 to analyze the relationship between self-concept and personality of students with their academic achievement. The research findings showed that the dominant dimension of self-concept was family self-concept. Besides, t-test analysis showed that there was no significance difference between dimension of self-concept and personality of students according to gender. Pearson correlations analysis showed that there was no significance relation between dimension of self-concept and personality with student's academic achievement. Therefore, suggestions were made to increase the student's self-concept and the tendency of their positive personality in order to enhance their academic achievement.

Keywords: Self-Concept, Personality, Academic Achievement

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara konsep sendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah. Seramai 270 orang pelajar dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak berkelompok di enam buah sekolah menengah di daerah Kluang, Johor. Kajian rintis dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan dan kesesuaian soal selidik. Manakala Alpha Cronbach digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi keseluruhan soal selidik ini adalah 0.8432. Soal selidik berkaitan konsep sendiri diubah suai daripada Skala Konsep Kendiri Tennessee daripada Fitts & Wareen (1996). Manakala soal selidik bagi jenis personaliti pelajar pula diubah suai daripada Soal Selidik Personaliti daripada Eysenck & Eysenck (1975). Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, dan min digunakan untuk menganalisis dimensi konsep sendiri pelajar paling dominan. Selain itu, statistik inferensi iaitu ujian-t juga digunakan untuk menganalisis perbezaan antara dimensi konsep sendiri dan personaliti mengikut jantina. Manakala statistik inferensi iaitu korelasi Pearson pula digunakan pada aras signifikan 0.05 bagi menganalisis hubungan antara konsep sendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan dimensi konsep sendiri paling dominan dalam kalangan pelajar ialah dimensi konsep sendiri seperti keluarga. Selain itu, analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri dan personaliti mengikut jantina. Analisis korelasi Pearson pula mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan konsep sendiri dan juga kecenderungan personaliti pelajar yang positif dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Kata Kunci: Konsep Kendiri, Personaliti, Pencapaian Akademik

PENGENALAN

Pembangunan modal insan penting untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi menyokong perkembangan ekonomi negara. Bagi merealisasikan aspirasi negara ini, pembangunan konsep sendiri khususnya pelajar penting bagi melahirkan generasi yang berpersonaliti baik. Malah salah satu fokus daripada dasar kerajaan dalam pembangunan modal insan adalah untuk menambah baik kualiti pendidikan bagi meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi pendidikan.

Mantan perdana menteri Malaysia yang kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi, telah memperkenalkan konsep modal insan dengan harapan

masyarakat Malaysia dan generasi akan datang mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baharu, selain berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran yang sering berubah-ubah. Untuk itu, pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti dan berterusan dapat memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri kerana Malaysia berhasrat untuk menjadi negara maju dan berdaya saing di peringkat dunia. Dengan yang demikian, pembentukan konsep sendiri penting kepada pelajar sebagai generasi penerus negara.

Pada masa kini, perkembangan konsep sendiri dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan. Kebanyakan pelajar diperhatikan mempunyai konsep sendiri yang rendah dan bersikap pasif dan negatif sehingga mempengaruhi pencapaian akademik di sekolah. Antara cabaran guru di sekolah ialah untuk melahirkan tingkah laku yang positif sama ada dari aspek tingkah laku akademik mahupun tingkah laku bukan akademik. Tugas untuk mengatasi cabaran ini bukanlah perkara mudah memandangkan tingginya harapan ibu bapa untuk melihat anak mereka mencapai kecemerlangan dalam akademik seterusnya menjadi insan yang berjasa kepada keluarga, agama, bangsa dan negara.

Perkara ini perlu ditangani dengan berkesan. Jika tidak, akan menjejaskan harapan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPP) dalam teras kedua iaitu untuk membangunkan modal insan. Teras ini menekankan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam memberi tumpuan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar. Aspek ini sangat penting untuk melahirkan generasi pemimpin negara Malaysia pada masa akan datang. Generasi ini berpotensi untuk mewujudkan masa depan yang dicita-citakan. Oleh itu sistem pembinaan generasi muda ini haruslah difokuskan kepada pengembangan untuk menjadi manusia berkualiti dengan memiliki personaliti yang unggul dan juga konsep sendiri yang tinggi untuk mengejar kejayaan yang menyeluruh.

Walau bagaimanapun, usaha melahirkan generasi yang mendukung kepada penawaran modal insan yang baik ini tidak akan tercapai tanpa pendidikan yang sempurna. Ini memberi gambaran bahawa pencapaian akademik yang cemerlang bukan sahaja menjadi kebanggaan pelajar dan ibu bapa, malahan menjadi ukuran masa depan mereka dan negara secara

am. Ini kerana sudah menjadi kelaziman bahawa pencapaian akademik yang cemerlang membuka peluang yang luas untuk kejayaan dalam pekerjaan dan meningkatkan taraf sosial keluarga seterusnya penyumbang kepada usaha mencapai matlamat negara, iaitu untuk menjadi sebuah negara industri yang maju.

Namun begitu, adalah lumrah apabila pencapaian akademik seringkali dikaitkan dengan faktor-faktor seperti ibu bapa, rakan sebaya, guru dan masyarakat di sekeliling. Begitu juga dengan keyakinan sendiri dan personaliti pelajar itu sendiri. Ini kerana aspek personaliti dan konsep sendiri boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar itu sendiri. Dengan yang demikian, untuk membina konsep sendiri pelajar yang positif, ibu bapa perlu menyediakan persekitaran rumah tangga yang harmoni, bahagia dan keperluan asas yang mencukupi. Manakala guru di sekolah pula perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan peka terhadap psikologi pelajar. Dapat dilihat bahawa pengaruh sekolah sangat penting dalam pembentukan personaliti kerana sosialisasi di rumah diteruskan di sekolah. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa guru secara langsung dapat mempengaruhi perasaan, inspirasi dan sikap kanak-kanak seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

Habibah dan Noran Fauziah (2002) pula menyatakan kelakuan seseorang itu bergantung kepada konsep kendirinya, iaitu apa yang difikirkan tentang dirinya termasuk kemampuan, kelemahan, dan personalitinya. Seseorang itu menggunakan konsep sendiri apabila meramalkan sama ada dia akan berjaya atau gagal dalam sesuatu perkara. Konsep sendiri ini juga akan mempengaruhi harapan, impian dan juga tindakannya. Menurut Azizi *et al.* (2005), manusia mempunyai suatu gambaran atau pandangan tentang dirinya sendiri. Gambaran ini merangkumi gambaran tentang rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kelemahan, dan tingkah laku kita. Konsep sendiri juga didefinisikan sebagai penilaian seseorang terhadap dirinya sendiri atau caranya menanggapi dirinya sendiri, yakni sama ada secara positif ataupun negatif.

Konsep sendiri adalah pengertian atau kefahaman seseorang terhadap dirinya sebagai individu yang asing memiliki satu set ciri-ciri yang unik atau istimewa. Ini membawa maksud bagaimana seseorang individu itu beranggapan dan berpendapat tentang dirinya. Anggapan dan pendapat itu berasaskan kepekaan dan kesedaran tentang kekuatan dan kelemahann

dirinya. Selain itu, konsep sendiri boleh digolongkan kepada dua jenis yang utama, iaitu konsep sendiri positif dan konsep sendiri negatif. Konsep sendiri positif bermaksud keadaan atau situasi yang mana seseorang individu itu percaya dan yakin kepada dirinya, mempunyai minat yang baik, bersifat objektif dan tidak terlalu sensitif. Individu itu boleh menerima kritikan individu lain serta sudi memberi pandangan dan pendapatnya jika timbul atau terdapat keadaan yang tidak logikal atau rasional. Konsep sendiri negatif pula ialah seseorang individu itu akan menunjukkan sifat-sifat terlalu subjektif.

Sehubungan dengan itu, seseorang individu itu pastinya akan bersikap sensitif. Menurut Azizi *et al.* (2005), individu jenis ini akan sentiasa berasa tidak puas hati, tidak gembira, cepat merajuk serta perasaannya mudah tersinggung. Individu seperti ini sering dimarahi atau dikritik sama ada oleh ibu bapa, guru, rakan-rakan atau sesiapa sahaja yang berada di sekelilingnya. Keadaan ini akan menyebabkan individu berkenaan akan berasa dirinya mempunyai keyakinan yang rendah. Ini mengakibatkan individu tersebut bersifat rendah diri, pasif, muram dan tidak bergaul dengan orang lain.

Dalam pembentukan konsep sendiri seseorang, terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan tersebut. Menurut Azizi dan Jaafar (2006), pembentukan konsep sendiri seseorang terbina oleh sifat semula jadi, kematangan, dan alam sekelilingnya. Konsep sendiri seseorang dapat dibentuk daripada pengalaman dan dicontohi daripada ibu bapa, orang dewasa, teman sebaya, dan diri sendiri. Habibah dan Noran Fauziah (2002) menyatakan bahawa guru memainkan peranan penting dalam pembinaan konsep sendiri kanak-kanak di dalam bilik darjah. Penilaian guru terhadap pelajar dan apa sahaja perkara yang dilakukannya boleh memberi kesan ke atas konsep sendiri pelajar tersebut. Misalnya, apabila guru bertindak merendahkan atau menjatuhkan air muka pelajar, kesan negative yang mungkin akan timbul adalah seperti pelajar tersebut merasakan bahawa bahawa dirinya lemah.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan sebelum ini, didapati terdapat hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Menurut Conger (1973) dalam Rohaty (1992), individu yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi lebih bertanggungjawab, menyukai sekolah dan jarang melanggar peraturan. Garison dan Garison (1975)

dalam Azizi *et al.* (2005) pula menyatakan bahawa konsep kendiri adalah konsep penting dalam menentukan personaliti seseorang. Terdapat tiga komponen penting dalam konsep kendiri iaitu kesedaran diri, penerimaan diri iaitu perasaan timbal balik antara diri dengan orang lain dan penilaian hasil daripada penerimaan orang lain. Konsep kendiri juga dikaitkan dengan sifat ekstrovert dan introvert. Ada pendapat yang menyatakan bahawa pelajar yang ekstrovert memperoleh prestasi yang lebih baik daripada pelajar yang introvert atau sebaliknya. Justeru itu, konsep kendiri dan personaliti dilihat mempunyai perkaitan dengan pencapaian akademik seseorang.

Pernyataan Masalah

Kegiatan pembelajaran di sekolah dapat memaparkan konsep kendiri seseorang pelajar. Pelajar yang mempunyai konsep kendiri positif biasanya akan melibatkan diri secara aktif di dalam sesi pembelajaran. Manakala sesetengah pelajar yang konsep kendirinya rendah pula biasanya agak pasif dan pendiam. Dapat dikatakan bahawa keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh konsep kendiri yang berlainan yang dimiliki oleh setiap pelajar. Pembentukan konsep kendiri seseorang pelajar bergantung kepada beberapa dimensi konsep kendiri seperti keluarga, rakan sebaya, dan peribadi. Kesemua dimensi ini saling berkait antara satu dengan yang lain.

Di samping itu, konsep kendiri pelajar dipengaruhi oleh keluarga, sosial dan peribadi. Oleh itu, kajian ini, mengkaji dimensi konsep kendiri seperti keluarga, sosial dan peribadi. Kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar ataupun tidak.

Selain melihat konsep kendiri pelajar, kajian ini juga ingin melihat personaliti pelajar sama ada dikategorikan dalam golongan ekstrovert ataupun introvert dan neurotik atau kestabilan emosi. Seterusnya, kajian ini melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan pencapaian akademik pelajar ataupun tidak. Justeru itu, kajian ini ingin mengkaji jenis-jenis personaliti pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara dimensi konsep sendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik pelajar. Objektif khusus kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengetahui dimensi konsep diri dan personaliti yang paling dominan dalam kalangan pelajar.
- ii. Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara konsep diri dengan pencapaian akademik pelajar.
- iii. Mengetahui hubungan antara jenis personaliti berdasarkan skala ekstroverti dan skala neurotisme dengan pencapaian akademik pelajar.
- iv. Mengetahui perbezaan dimensi konsep diri berdasarkan jantina
- v. Mengetahui perbezaan jenis personaliti berdasarkan jantina

Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan kajian untuk mengenal pasti hubungan antara konsep diri dan personaliti dengan pencapaian akademik pelajar. Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Adakah dimensi konsep diri dan personaliti yang paling dominan dalam kalangan pelajar?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara konsep diri dengan pencapaian akademik pelajar?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara jenis personaliti berdasarkan skala ekstroverti dan skala neurotisme dengan pencapaian akademik pelajar?
- iv. Adakah terdapat perbezaan dimensi konsep diri berdasarkan jantina?
- v. Adakah terdapat perbezaan jenis personaliti berdasarkan jantina?

Hipotesis Kajian

Hipotesis N01: Tidak terdapat terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep diri seperti peribadi, keluarga dan sosial dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis N02: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti berdasarkan skala ekstroverti

- dan skala neurotisme dengan pencapaian akademik pelajar.
- Hipotesis Nol 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan personaliti pelajar.
- Hipotesis Nol 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri seperti signifikan antara keluarga dan sosial mengikut jantina.
- Hipotesis Nol 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis personaliti berdasarkan skala ekstroversi dan skala neurotisme mengikut jantina.

Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di enam buah sekolah menengah di sekitar daerah Kluang, Johor. Responden kajian ini adalah pelajar Tingkatan Empat kerana mereka telah mendapat keputusan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan tidak terlibat dengan peperiksaan besar. Selain itu, kajian ini hanya memberi fokus kepada tiga dimensi konsep kendiri seperti keluarga, sosial dan peribadi berdasarkan dimensi konsep kendiri paling dominan dalam kajian lepas.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara konsep kendiri dan personaliti dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Responden kajian pula dipilih berdasarkan kaedah rawak berkelompok dari enam buah sekolah menengah di sekitar daerah Kluang, Johor. Data kajian diperoleh menggunakan soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A ialah latar belakang pelajar, Bahagian B ialah set soalan personaliti pelajar menggunakan skala Likert tiga mata dan Bahagian C ialah set soalan konsep kendiri menggunakan skala Likert lima mata. Seterusnya, data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Dalam kajian ini, analisis deskriptif yang digunakan adalah seperti min, peratusan, kekerapan dan juga sisihan piawai. Analisis inferensi yang digunakan pula ialah korelasi Pearson bagi melihat hubungan yang wujud berdasarkan hipotesis kajian. Manakala ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan antara pemboleh ubah.

DAPATAN KAJIAN

Dimensi Konsep Kendiri yang Dominan

Jadual 1: Min Keseluruhan bagi Dimensi Konsep Kendiri Pelajar

Dimensi Konsep Kendiri	Min Keseluruhan
Dimensi konsep kendiri seperti peribadi	3.72
Dimensi konsep kendiri seperti keluarga	4.10
Dimensi konsep kendiri seperti sosial	3.56

Jadual 1 menunjukkan min keseluruhan bagi dimensi konsep kendiri pelajar. Berdasarkan penganalisaan data kajian, dimensi konsep kendiri yang dominan dalam kalangan pelajar adalah dimensi keluarga. Ini kerana dimensi ini mempunyai nilai min keseluruhan tertinggi iaitu 4.10 berbanding min keseluruhan dimensi konsep kendiri seperti peribadi iaitu 3.72 dan konsep kendiri sosial iaitu 3.56. Perkara ini disebabkan hubungan antara pelajar dengan ahli keluarga adalah erat dan menyumbang kepada pembentukan konsep kendiri yang tinggi terhadap pelajar tersebut.

Jenis Konsep Kendiri, Personaliti dalam Kalangan Pelajar

Jadual 2: Jenis Konsep Kendiri, Personaliti dalam Kalangan Pelajar

Jenis konsep kendiri	Frekuensi	Peratus
Positif	264	97.8
Negatif	6	2.2
Ekstrovert	165	61.1
Introvert	105	38.9
Neurotik	136	50.4
Kestabilan emosi	134	49.6

Jadual 2 di bawah menunjukkan frekuensi dan peratusan bagi tahap konsep kendiri pelajar tingkatan empat sekolah menengah di sekitar daerah Kluang. Keseluruhan daripada ketiga-tiga dimensi konsep kendiri iaitu dimensi peribadi, keluarga dan sosial, didapati seramai 264 orang daripada 270 orang pelajar (97.8 peratus) mempunyai konsep kendiri positif. Manakala hanya enam orang pelajar (2.2 peratus) mempunyai konsep kendiri negatif. Keputusan menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan bagi jenis personaliti pelajar bagi skala ekstrovert. Seramai 165 orang daripada 270 orang pelajar (61.1 peratus) mempunyai personaliti ekstrovert manakala 105 orang pelajar (38.9 peratus) mempunyai personaliti introvert. Hasil kajian menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan bagi personaliti pelajar berdasarkan skala neurotisme. Seramai

136 orang daripada keseluruhan 270 orang pelajar (50.4 peratus) memiliki personaliti neurotik. Manakala 134 orang pelajar (49.6 peratus) pula memiliki personaliti kestabilan emosi.

Tahap Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar

Jadual 3: Tahap Pencapaian Akademik Pelajar

Tahap	Frekuensi	Peratus
Tinggi	139	51.5
Sederhana	114	42.2
Rendah	17	6.3

Jadual 3 menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar tingkatan empat di sekolah menengah sekitar daerah Kluang. Terdapat tiga kategori tahap yang digunakan iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Seramai 139 orang daripada 270 orang pelajar (51.5 peratus) berada pada tahap pencapaian akademik yang tinggi, 114 orang pelajar (42.2 peratus) pula berada pada tahap sederhana manakala 17 orang pelajar (6.3 peratus) berada pada tahap pencapaian akademik yang rendah.

Jadual 4: Korelasi Pearson Antara Dimensi Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Dimensi konsep kendiri	Pencapaian
Peribadi	-0.70
Keluarga	0.35
Sosial	0.10
Keseluruhan	0.02

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

Jadual 4 adalah tentang korelasi Pearson antara dimensi konsep kendiri peribadi dengan pencapaian akademik pelajar. Analisis inferensi ini mendapati pekali korelasi Pearson, r ialah -0.70. Ini menunjukkan hubungan adalah songsang yang kuat. Oleh kerana nilai p ialah 0.251 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, α iaitu 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri seperti peribadi dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri seperti peribadi dengan pencapaian akademik pelajar.

Hasil kajian tentang korelasi Pearson antara dimensi konsep sendiri seperti keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Daripada jadual di atas pekali korelasi Pearson, r ialah 0.35. Ini menunjukkan hubungan adalah positif yang lemah. Oleh kerana nilai p adalah 0.566 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, α iaitu 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri seperti keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri seperti keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.

Keputusan tentang korelasi Pearson antara dimensi konsep sendiri seperti sosial dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil analisis inferensi ini mendapati pekali korelasi Pearson, r ialah 0.099. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif namun sangat lemah. Oleh kerana nilai p ialah 0.103 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, α iaitu 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri seperti sosial dengan pencapaian akademik pelajar. Dengan yang demikian, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri seperti sosial dengan pencapaian akademik pelajar.

Hasil kajian tentang korelasi Pearson antara keseluruhan dimensi konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Daripada analisis data didapati pekali korelasi Pearson, r ialah 0.022. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif namun sangat lemah. Oleh kerana nilai p ialah 0.717 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, α iaitu 0.05, ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseluruhan dimensi konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, ujian korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseluruhan dimensi konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar.

Jadual 5: Korelasi Pearson Antara Jenis Personaliti Berdasarkan Skala Ekstroversi dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Dimensi personaliti	Pencapaian
Ekstroversi	0.25
Neurotisme	0.03
Keseluruhan	0.044

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

Jadual 5 tentang korelasi Pearson antara jenis personaliti berdasarkan skala ekstrovert dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil analisis data menunjukkan pekali korelasi Pearson, r adalah 0.25. Ini bermakna hubungan yang wujud adalah positif namun lemah. Nilai p pula ialah 0.688 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, α iaitu 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti berdasarkan skala ekstrovert dengan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, analisis inferensi membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti berdasarkan skala ekstrovert dengan pencapaian akademik pelajar.

Keputusan tentang korelasi Pearson antara jenis personaliti berdasarkan skala neurotisme dengan pencapaian akademik pelajar. Daripada jadual di atas nilai pekali korelasi Pearson, r adalah 0.031. Ini menunjukkan bahawa hubungan yang wujud adalah positif namun sangat lemah. Oleh kerana nilai p adalah 0.611 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, α iaitu 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti berdasarkan skala neurotisme dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti berdasarkan skala neurotisme dengan pencapaian akademik pelajar.

Hasil Kajian tentang korelasi Pearson antara jenis personaliti secara keseluruhan dengan pencapaian akademik pelajar. Daripada analisis data didapati pekali korelasi Pearson, r adalah 0.044. Ini menunjukkan kekuatan hubungan yang positif namun sangat lemah. Manakala, nilai p ialah 0.473 adalah lebih besar daripada aras signifikan, α iaitu 0.05. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseluruhan jenis personaliti dengan pencapaian akademik pelajar. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseluruhan jenis personaliti dengan pencapaian akademik pelajar.

Jadual 6: Korelasi Pearson Antara Personaliti Dengan Konsep Kendiri Pelajar

Personaliti	Konsep Kendiri
Keseluruhan	0.04

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

Jadual 6 di atas adalah tentang korelasi Pearson antara personaliti dengan konsep sendiri pelajar. Analisis dapatan kajian menunjukkan pekali korelasi Pearson, r adalah 0.041. Ini menunjukkan bahawa hubungan yang wujud adalah positif namun sangat lemah. Oleh kerana nilai, p adalah lebih besar daripada aras signifikan α iaitu 0.507, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan konsep sendiri pelajar. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan konsep sendiri pelajar.

Jadual 7: Taburan Min Dan Nilai Signifikan (Ujian-t) bagi Perbezaan yang Signifikan Antara Dimensi Konsep Kendiri Pelajar Mengikut Jantina

Konsep Kendiri	Jantina	Min	Df	T	Signifikan
Peribadi	Lelaki	3.713	268	-0.258	0.189
	Perempuan	3.727	214.981	-0.254	
Keluarga	Lelaki	4.052	268	-1.239	0.518
	Perempuan	4.132	237.085	-1.252	
Sosial	Lelaki	3.580	269268	0.535	0.687
	Perempuan	3.551	231.882	0.541	
Keseluruhan	Lelaki	3.778	268	0.933	0.680
	Perempuan	3.881	229.862	0.937	

Aras signifikan, $\alpha = 0.05$

Jadual 7 menunjukkan taburan min dan nilai signifikan (Ujian-t) bagi perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri pelajar seperti peribadi mengikut jantina. Hasil analisis data kajian mendapati nilai signifikan, p adalah 0.189 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, $\alpha = 0.05$. Ini bermakna hipotesis nol diterima, maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri pelajar seperti peribadi mengikut jantina. Oleh itu, keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep sendiri seperti peribadi mengikut jantina.

Keputusan menunjukkan taburan min dan nilai signifikan (Ujian-t) bagi perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri pelajar seperti keluarga mengikut jantina. Analisis data menunjukkan nilai signifikan, p ialah 0.518 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, $\alpha = 0.05$. Ini bermakna hipotesis nol diterima, maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri pelajar seperti keluarga mengikut jantina. Oleh itu, ujian statistik inferensi ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri seperti keluarga mengikut jantina.

Hasil kajian menunjukkan taburan min dan nilai signifikan (Ujian-t) bagi perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri pelajar seperti sosial mengikut jantina. Daripada jadual di atas didapati nilai signifikan, p adalah 0.687 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, $\alpha = 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol diterima, maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri pelajar seperti sosial mengikut jantina. Analisis data kajian di atas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri seperti sosial mengikut jantina.

Keputusan menunjukkan taburan min dan nilai signifikan (Ujian-t) bagi perbezaan yang signifikan antara dimensi konsep kendiri pelajar secara keseluruhan mengikut jantina. Analisis data menunjukkan nilai signifikan, p adalah 0.680 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, $\alpha = 0.05$. Ini bermakna hipotesis nol diterima, maka tidak terdapat perbezaan yang keseluruhan signifikan antara dimensi konsep kendiri pelajar mengikut jantina. Oleh itu, ujian statistik inferensi ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keseluruhan dimensi konsep kendiri mengikut jantina.

Jadual 8: Taburan Min Dan Nilai Signifikan (Ujian-t) Bagi Perbezaan yang Signifikan Antara Jenis Personaliti Pelajar Mengikut Jantina

Konsep Kendiri	Jantina	Min	Df	T	Signifikan
Ekstroversi	Lelaki	2.128	268	0.543	0.881
	Perempuan	2.100	232.602	0.552	
Neurotisme	Lelaki	1.995	268	-1.366	0.699
	Perempuan	2.082	222.452	-1.354	

Keseluruhan	Lelaki	2.062	268	-1.355	0.374
	Perempuan	2.091	220.652	-1.362	

Aras signifikan $\alpha = 0.05$

Jadual 8 menunjukkan taburan min dan nilai signifikan (Ujian-t) bagi perbezaan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar berdasarkan skala ekstroversi mengikut jantina. Daripada jadual di atas didapati nilai signifikan, p adalah 0.881 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, $\alpha = 0.05$. Maka hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar berdasarkan skala ekstroversi mengikut jantina. Oleh itu, ujian statistik inferensi ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar berdasarkan skala ekstroversi mengikut jantina.

Keputusan menunjukkan taburan min dan nilai signifikan (Ujian-t) bagi perbezaan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar berdasarkan skala neurotisme mengikut jantina. Analisis data kajian mendapati nilai signifikan, p adalah 0.699 iaitu lebih besar daripada aras signifikan, $\alpha = 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol diterima, maka ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar berdasarkan skala neurotisme mengikut jantina. Hasil analisis data membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar berdasarkan skala neurotisme mengikut jantina.

Hasil kajian menunjukkan taburan min dan nilai signifikan (Ujian-t) bagi perbezaan yang signifikan antara keseluruhan personaliti pelajar mengikut jantina. Daripada jadual di atas didapati nilai signifikan, p adalah 0.374 iaitu lebih besar daripada aras keertian, $\alpha = 0.05$. Maka hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keseluruhan personaliti pelajar mengikut jantina. Oleh itu, ujian statistik inferensi ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keseluruhan personaliti pelajar mengikut jantina.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi konsep sendiri seperti keluarga merupakan dimensi konsep sendiri yang paling dominan dalam kalangan pelajar. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Alomar (2006) iaitu, jantina dan konsep sendiri didapati mempunyai

kesan langsung yang sangat signifikan terhadap pencapaian akademik. Pelajar dari keluarga yang bermotivasi juga menunjukkan tahap pencapaian akademik yang lebih tinggi seperti yang dinyatakan oleh Hanifer et.al (2018) dalam kajian mereka. Selain itu mereka juga mendapati pelajar menunjukkan peningkatan konsep sendiri dan pencapaian akademik yang lebih tinggi daripada pelajar daripada jenis keluarga yang sebaliknya.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar yang merasai dirinya dihendaki, disayangi dan dihargai menyebabkan kepercayaan terhadap diri adalah tinggi dan dapat mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian lain yang juga menunjukkan bahawa konsep sendiri akademik dan motivasi akademik, didapati memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik pelajar (Areepattamannil, Freeman, & Klinger, 2011a; Areepattamannil, Freeman, & Klinger, 2011b; Becker, McElvany, & Kortenbruck, 2010; Lee, McInerney, Liem, & Ortiga, 2010).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar mempunyai konsep sendiri yang positif. Sharifah (1998) dalam bukunya menyatakan bahawa majoriti pelajar mempunyai konsep sendiri yang positif. Pendapat ini secara tidak langsung telah menyokong dapatan kajian ini. Konsep sendiri pelajar yang positif juga disebabkan oleh kesan hubungan yang baik antara pelajar dengan orang di sekelilingnya. Menurut Azizi *et al.* (2005), mereka yang mempunyai konsep sendiri yang positif sentiasa menerima layanan dan perhatian yang baik sama ada daripada ibu bapa sendiri, keluarga, guru, rakan-rakan mahupun orang yang berada disekeliling mereka. Mereka akan sentiasa mengalami lebih banyak kejayaan berbanding daripada kegagalan. Ini kerana mereka akan sentiasa merasakan bahawa mereka dihargai dan merasakan bahawa terdapat sokongan daripada orang lain.

Selain itu, kajian ini menunjukkan majoriti pelajar mempunyai jenis personaliti ekstrovert. Umumnya seseorang yang ekstrovert secara tidak langsung akan mempunyai konsep sendiri yang tinggi. Perkara ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mammadov, Cross, & Ward (2018) ke atas 161 orang pelajar sekolah menengah yang berbakat. Kajian mereka mendapati bahawa personaliti mempunyai kaitan langsung dengan pencapaian akademik.

Daripada hasil analisis data, kajian ini menunjukkan 136 daripada 270 pelajar mempunyai jenis personaliti neurotik. Ternyata personaliti ini juga baik bagi pencapaian akademik pelajar sebagaimana dapatan kajian yang dibuat oleh Rosander & Bäckström (2014) yang mendapati bahawa pelajar yang menginginkan kerjaya akademik yang lebih jauh, melihat nilai akhir sebagai sangat penting. Perkara inilah yang menunjukkan mengapa neurotisme mempunyai hubungan positif dengan prestasi akademik. Malah menurut mereka lagi, dari beberapa aspek neurotisme mungkin bermanfaat kepada pelajar untuk memperoleh gred yang lebih tinggi.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada pada tahap pencapaian akademik yang cemerlang. Ini mungkin disebabkan mereka menerima layanan yang baik dan penghargaan yang tinggi daripada rakan sebaya, ibu bapa dan juga masyarakat sekeliling. Perkara ini dapat meningkatkan tahap konsep kendirinya dan memberi kesan positif terhadap pembelajaran dan pencapaian akademik.

Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan juga perbincangan, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan untuk diaplikasikan. Antara cadangan tersebut adalah ibu bapa perlu mengambil berat terhadap faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi konsep sendiri anak-anak. Selain itu, faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi personaliti anak-anak juga perlu diberikan perhatian. Ini kerana faktor-faktor tersebut memberi kesan yang besar terhadap pencapaian akademik pelajar. Pergaulan anak-anak, perlu diambil berat oleh ibu bapa yang tidak semestinya di rumah sahaja namun juga di sekolah dan di luar rumah. Perkara ini perlu diambil berat kerana selain ibu bapa, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling juga turut mempengaruhi personaliti dan konsep sendiri anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlu mewujudkan suasana keluarga yang positif kerana ia membantu membentuk konsep sendiri yang lebih positif yang dapat meningkatkan pencapaian akademik dan membanteras masalah tingkah laku daripada berlaku.

Daripada dapatan kajian, didapati min tertinggi bagi dimensi yang mempengaruhi konsep sendiri ialah dimensi konsep sendiri seperti sosial.

Selain itu, dapatan juga mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai personaliti neurotik. Diketahui sekolah adalah salah satu daripada agen sosial. Oleh yang demikian, pihak pentadbir sekolah perlulah lebih prihatin kepada isu-isu pergaulan pelajar dan tidak hanya tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata. Sehubungan dengan itu, bahagian kaunseling sekolah boleh mengadakan ujian untuk mengenal pasti konsep kendiri dan personaliti pelajar. Pihak sekolah boleh menggunakan ujian Skala Konsep Kendiri Tennessee seperti yang digunakan dalam kajian ini. Dengan itu, langkah pengekalan boleh dibuat dengan mengatasi masalah pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang rendah dan masalah personaliti seperti kemurungan. Kaunselor sekolah juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi maklum balas tentang masalah yang dihadapi pelajar. Kaunselor sekolah perlu mendorong pelajar ke arah mencapai personaliti yang unggul, konsep kendiri yang positif seterusnya mencapai keputusan akademik yang cemerlang.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar mempunyai jenis personaliti neurotik. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati dimensi konsep kendiri adalah paling dominan ialah keluarga. Dengan yang demikian dicadangkan supaya para pelajar lebih banyak melibatkan diri dengan aktiviti berbentuk kemasyarakatan, muhasabah diri dan juga membina personaliti unggul bagi mengatasi masalah personaliti yang mereka hadapi. Ini kerana emosi yang tidak stabil boleh menyebabkan kecenderungan untuk menyendiri dan tidak mahu bergaul. Pelajar juga seharusnya didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang berbentuk membina jati diri dan semangat berkumpulan bagi melatih mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat tentang konsep kendiri dan personaliti pelajar yang mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Selain itu dapatan kajian juga mendapati bahawa keseluruhan pelajar mempunyai konsep kendiri yang positif. Dengan adanya konsep kendiri yang positif, yang mengarah kepada pencapaian akademik, dapat dikatakan bahawa hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang baik dapat tercapai.

Namun begitu, masih terdapat segelintir pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang negatif. Dengan yang demikian, konsep kendiri pelajar dan

kecenderungan personaliti pelajar tersebut perlu dipertingkatkan bagi membentuk konsep sendiri yang positif. Ini kerana daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep sendiri dan personaliti positif sangat berkai rapat dengan pencapaian akademik yang cemerlang. Kecemerlangan akademik ini diharapkan dapat menjamin pembentukan modal insan yang akan membantu negara dalam menghadapi cabaran dan persaingan di peringkat global.

Diharapkan juga dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada guru dan pihak pentadbir sekolah untuk merancang program yang bersesuaian dalam atau di luar sekolah supaya dapat melahirkan pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi dan personaliti yang unggul ke arah melahirkan generasi pemimpin negara. Sealin itu, ibu bapa juga boleh bersikap positif dalam menangani tingkah laku anak-anak bagi memastikan bahawa konsep sendiri yang tinggi dapat terbentuk selari dengan personaliti yang baik.

RUJUKAN

- Areepattamannil, S., Freeman, J. G., & Klinger, D. A. (2011a). "Influence Of Motivation, Self-Beliefs, And Instructional Practices On Science Achievement Of Adolescents In Canada". *Social Psychology of Education*, 14, 233–259.
- Areepattamannil, S., Freeman, J. G., & Klinger, D. A. (2011b). "Intrinsic Motivation, Extrinsic Motivation, And Academic Achievement Among Indian Adolescents In Canada And India". *Social Psychology of Education*. Advance online publication.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. (Cetakan Kedua). Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Fawziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya dan Noordin Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Azizi Yahaya, Mohd Najib Abdul Ghaffar dan Narinder Kaur A/P Peara Singh (2002). "Hubungan Di Antara Dimensi Personaliti dan Konsep Kendiri dengan Pengaruh Keluarga Di Tanah Perancangan Felda. Laporan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Becker, M., Mcelvany, N., & Kortenbruck, M. (2010). "Intrinsic And Extrinsic Reading Motivation As Predictors Of Reading Literacy: A Longitudinal Study". *Journal of Educational Psychology*, 102, 773–785.
- Fitts, W. H. & Warren, W. L. (1996). *Tennessee Self-Concept Scale: TSCS: 2*. San Diego, CA: Western Psychological Services.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (2002). (Edisi Kedua). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Häfner, Isabelle, et.al. (2018). "The Role of Family Characteristics for Students' Academic Outcomes: A Person-Centered Approach". *Child Development*. July, Vol. 89 Issue 4, 1405-1422.
- Lee, J. Q., McInerney, D. M., Liem, G. A., & Ortiga, Y. P. (2010). "The Relationship Between Future Goals And Achievement Goal Orientations". *Contemporary Educational Psychology*, 35, 264–279.
- Mammadov, Sakhavat, Cross, Tracy L., Ward, Thomas J. (2018). "The Big Five Personality Predictors Of Academic Achievement In Gifted Students: Mediation By Self-Regulatory Efficacy And Academic Motivation". *High Ability Studies*, December, 29:2, 111-133.
- Rohaty Mohd. Majzub (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rosander, Pia, Bäckström, Martin (2014). "Personality Traits Measured At Baseline Can Predict Academic Performance In Upper Secondary School Three Years Late". *Scandinavian Journal of Psychology*, December, 55: 6, 611-618.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan II: Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling*. (Edisi Ketiga). Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.